



KENYATAAN TAWARAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM (MDTM)

1. Tawaran *Request For Proposal (RFP)* ini adalah dipelawa kepada semua **Pemaju / Syarikat** yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman berkaitan untuk mengemukakan cadangan bagi projek berikut:

Tarikh Iklan	Tajuk	Taklimat Tapak	Dokumen Maklumat Am dan Arahan RFP	Tarikh Tutup
9 Jun 2026 (Selasa)	Request For Proposal Bagi Cadangan Pembangunan Secara Usahasama Di Atas Lot PT 18647 (Lot 36450) Tanah Milik Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) Seluas 5.00 Ekar Bertempat Di Jalan Behrang-Proton City, Behrang Ulu, Mukim Hulu Bernam Timor, Daerah Muar, Perak Darul Ridzuan.	16 Jun 2026 (Selasa) Masa: 9.30 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Seri Malim, Tingkat 4, Blok A, Majlis Daerah Tanjong Malim	Dokumen Permohonan Boleh Di Dapati Di Kaunter: Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap Majlis Daerah Tanjong Malim Mulai 16 Jun 2026 hingga 10 Ogos 2026	10 Ogos 2026 (Isnin) Jam 12.00 Tengah hari (Dokumen Yang Lewat Dihantar tidak akan diterima / diproses)

2. Syarikat yang berminat **WAJIB** membaca dan memahami **Dokumen Maklumat Am dan Arahan RFP** bagi mengelakkan sebarang kekeliruan. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas kerugian akibat kecuiaan syarikat terhadap perkara tersebut.
3. Pemaju / Syarikat yang berminat **WAJIB** mematuhi perkara berikut:
- i. Menghadiri taklimat tapak secara fizikal;
 - ii. Wakil-wakil syarikat yang hadir taklimat perlu mempunyai nama di dalam SSM (Borang 44/ 49); atau
 - iii. Syarikat yang mewakilkan pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai kanan sahaja yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah Urusan Atau Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat. **(Hendaklah membawa surat perwakilan kuasa yang ada nama pegawai, jawatan dan nombor kad pengenalan ketika hadir taklimat)**
4. Dokumen RFP boleh dibeli dengan mengemukakan **bayaran sebanyak RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Ringgit Sahaja)** secara tunai / EFT / cek atas nama "Majlis Daerah Tanjong Malim". Bayaran yang telah diterima tidak akan dikembalikan.

5. Penyerahan Dokumen Tawaran RFP Dalam Bentuk Hardcopy & *Softcopy* (Pendrive) Yang Lengkap Hendaklah Dimasukkan Ke Dalam Sampul Surat Berlakri Dan Ditulis Di Sebelah Atas Kiri Sampul Nombor, Nama RFP Dan Dimasukkan Ke Dalam Peti Tawaran ke alamat berikut:

**JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN & LANDSKAP
TINGKAT 1, BLOK B
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
PETI SURAT 59, KOMPLEKS PENTADBIRAN MDTM
BANDAR BEHRANG 2020
35900 TANJONG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN
NO. TEL: 05-4563410/20
EMAIL: jpp@mdtm.gov.my**

6. Majlis Daerah Tanjong Malim tidak terikat untuk menerima mana-mana dokumen permohonan yang dikemukakan oleh pihak Pemaju / Syarikat. Majlis Daerah Tanjong Malim berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada dokumen oleh pihak pemohon.



(DR SHAZREE IDZHAM BIN HAJI WAHAB ABDUL RAHMAN, A.M.P)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan
9 Jun 2026

QR Kehadiran Taklimat Request For Proposal (RFP) Bagi Cadangan Pembangunan Secara Usahasama Di Atas Lot PT 18647 (Lot 36450) Tanah Milik Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) Seluas 5.00 Ekar Bertempat Di Jalan Behrang – Proton City, Behrang Ulu, Mukim Hulu Bernam Timor, Daerah Muallim, Perak Darul Ridzuan

